

17 SEP 2003

MAHATHIR-PELABUHAN

KERAJAAN SEDIA MELABUR BANGUNKAN PELABUHAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kerajaan bersedia membelanjakan lebih banyak wang untuk membangunkan pelabuhan di negara ini kerana merasakan ia akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Berucap di Malam Maritim Antarabangsa sempena mesyuarat Majlis Pengendali-pengendali Kontena Antarabangsa (ICCO) di sini malam ini, Perdana Menteri berkata Malaysia sememangnya sebuah negara yang mengamalkan perdagangan.

"Kami telah berdagang sejak ribuan tahun lepas...sejak itu kami tidak pernah berhenti berdagang."

Sepuluh tahun dahulu, Malaysia mengendalikan kira-kira dua juta kontena setahun, tetapi kini negara ini mengendalikan 10 juta kontena dan ia masih berkembang, katanya.

Menurutnya, dengan melihat kontena di jalan-jalan raya dan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia hari ini mengingatkannya satu artikel yang ditulis 25 tahun dahulu oleh majalah TIMES yang percaya bahawa perniagaan kontena tiada masa depan.

"Kita dapat lihat bagaimana silapnya sangkaan itu. Sebenarnya mereka tidak tahu apa-apa mengenai apa-apapun termasuk cara mentadbir negara ini.

Hari ini, Malaysia ialah negara perdagangan ke-18 terbesar di dunia dengan jumlah perdagangan sebanyak AS\$180 bilion setahun.

Katanya, kerajaan akan terus melabur walaupun akan membabitkan jumlah wang yang besar bagi memastikan kesinambungan industri itu.

Mengenai mesyuarat ICCO yang diadakan di sini (Kuala Lumpur) untuk pertama kalinya, beliau berkata, ia ada signifikannya sendiri kerana ia menandakan pengiktirafan ke atas Malaysia sebagai salah sebuah kawasan utama perdagangan.

Mesyuarat ICCO itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dengan Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC).

Mesyuarat majlis itu yang juga dikenali sebagai "Box Club", diadakan setiap dua tahun sekali untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan industri kontena.

Ia dianggotai secara eksklusif daripada kalangan presiden, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif syarikat-syarikat berkenaan.

Antara syarikat yang menganggotai "Box Club" ialah C P Ships Holding Inc, A P Moller, China Shipping, CMA-CGM Group, NYK Lines, United Arab Shipping Co dan Italia Lines. -- BERNAMA

MAS SD AHM